

# Laman bumbung bantu sejukkan haba

**T**AMAN menegak atau menanam pokok bunga yang disusun menegak di luar bangunan mampu mengurangkan fenomena Pulau Haba bandar akibat cuaca panas.

Justeru, semua bangunan tinggi harus memiliki taman menegak, kata Presiden Institut Landskap Arkitek Malaysia (ILAM), Prof. Madya Dr. Osman Mohd. Tahir.

Beliau berkata, pembinaan bangunan pencakar langit mengurangkan kawasan hijau yang berupaya menyerap gas karbon dioksida dan menyederhanakan suhu.

"Bangunan pencakar langit yang dibina rapat antara satu sama lain menyebabkan kekurangan ruang untuk pengaliran udara, ditambah pula dengan penebatan pokok-pokok akibat pembangunan.

"Sehubungan itu, bangunan haruslah memanfaatkan ruang yang ada untuk mewujudkan sudut yang ditanam dengan tumbuhan hijau dan jika ruang terhad, cara yang sesuai adalah melalui taman menegak," katanya baru-baru ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai kekurangan kawasan hijau akibat pembangunan pesat menyebabkan ibu kota berstatus Pulau Haba bandar, seperti yang dilaporkan sebuah media tempatan pada Isnin lalu.

Dr. Osman, yang juga Dekan Fakulti Reka Bentuk dan Seni Bina Universiti Putra Malaysia berkata, terdapat tiga konsep taman menegak atau penghijauan pada dinding luar yang boleh diterapkan pada bangunan



TAMAN Tasik Titivangsa Kuala Lumpur juga boleh disifatkan sebagai hutan simpan di tengah-tengah kota.

tinggi iaitu muka bangunan, lantai tingkat-tingkat tertentu di atas bangunan, dan ruang awam dalam bangunan.

## Taman

"Jenis tanaman taman menegak ini adalah jenis yang tidak terlalu besar, dengan perakaran yang mampu tumbuh dengan baik pada ruang terhad, tahan terhadap hembusan angin, tidak memerlukan banyak air dan mampu menyerap bahan pencemaran seperti debu dan karbon dioksida," terangnya.

Katanya, setiap bangunan tinggi 15 tingkat ke atas harus mewujudkan satu taman atas bumbung ataupun taman di satu daripada tingkatnya bagi 'menghidupkan' keseimbangan ekologi dan penghuninya.

"Di negara maju misalnya seperti Britain, Jepun, Jerman dan Amerika Syarikat, teknologi laman di bumbung sudah dipraktikkan lebih sedekad lalu. Ia bukan saja menghijaukan persekitaran malah menyejukkan kawasan sekitar dan mengurangkan penggunaan tenaga," katanya.

Selain memanfaatkan ruang bangunan untuk penanaman tumbuhan hijau, setiap bandar dan kawasan kediaman harus mewujudkan taman rekreasi yang ditanam dengan pelbagai jenis pokok dan tumbuhan yang menyeimbangkan ekosistem.

"Taman KLCC misalnya, ia merupakan kawasan rekreasi warga kota untuk menenangkan fikiran dan beriadah di samping berfungsi sebagai pengimbang haba dan menurunkan suhu bandar menerusi tumbuh-tumbuhan hijau di sekitarnya.



ORANG ramai melawat taman peribadi di London. The Roof Gardens di Kensington (atas kiri), taman atas bumbung di Nomura International PLC (atas kanan), Fassett Square (bawah kiri) and Garden Barge Square di Downings Road Moorings (bawah kanan) kesemuanya kini dibuka untuk orang awam.

"Tidak semestinya hanya bergantung kepada hutan simpan untuk menyeimbangkan ekosistem semata-mata, kewujudan taman di tengah-tengah kota juga turut boleh berfungsi sama seperti hutan simpan," katanya.

Dr. Osman berkata, dari sudut kitaran ekologi, hubungan manusia dan tumbuh-tumbuhan amat erat serta saling bergantung untuk keseimbangan dan kesinambungan ekosistem alam.

"Pengurangan kawasan keras dan bertambahnya kawasan hijau telah sedikit sebanyak mengurangkan sinaran semula haba dari matahari di samping menambahkan bekalan oksigen untuk pernafasan," katanya. - Bernama

TAMAN rekreasi di KLCC dapat membantu mengurangkan haba akibat cuaca panas.

